

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM Press
Sent: Monday, September 30, 2019 11:11 AM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Ram Al Jaffri Bin Saad; Umisofian Bt Md Yusuf; Mohammad Amzari Bin Bakri; Zurina Bt Yahya
Subject: UUM PRESS GONDOL TEMPAT KETIGA DALAM KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) TERBUKA UUM 2019

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



30 September 2019 / 01 Safar 1441H

YBhg. Dato' Seri/YBhg. Dato'/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera



UUM PRESS GONDOL TEMPAT KETIGA DALAM KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) TERBUKA UUM 2019

Oleh: Kumpulan PRECIOUS UUM Press
Gambar: Ezwan Rosli

Penglibatan kali ketiga setelah berehat hampir dua tahun daripada menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), membuahkan hasil kepada UUM Press pada tahun ini

apabila berjaya mendapat tempat ketiga dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Terbuka UUM 2019 pada 24-25 September setelah hampir sembilan bulan bertarung dalam menyiapkan projek.

Kumpulan PRECIOUS UUM Press diberi tanggungjawab oleh Pengarah, Prof. Madya Dr. Ram Al Jaffri Saad untuk membuktikan kemampuan bersaing dalam Konvensyen KIK tahun ini. Pengerusi KIK UUM Press, Zurina Yahya merupakan individu penting yang bertindak sebagai penggerak kepada kumpulan ini manakala Ahmad Ruzaini Janudin pula selaku Fasilitator KIK UUM Press merupakan jurupandu kepada ahli kumpulan dalam melaksanakan projek kali ini.

PRECIOUS ditubuhkan pada 13 Januari 2019 dan bersesuaian dengan nama kumpulan ini, semua ahli bertanggungjawab dalam menghasilkan projek yang bermutu tinggi dan bernilai kepada jabatan. Kumpulan berjaya menghasilkan inovasi penambahbaikan proses di peringkat saringan penerimaan manuskrip. Inovasi ini merupakan penambahbaikan kepada borang penilaian manuskrip di peringkat UUM Press sebelum dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Saringan. Borang ini dinamakan Rubrik Penilaian Manuskrip. Borang ini lebih seragam, teratur dan berfokus. Mempunyai garis panduan untuk menilai dan penilaian lebih cepat dan mudah. Borang ini juga mempunyai sistem pemarkahan dan memudahkan keputusan dibuat sama ada untuk menerima atau menolak manuskrip berpanduan kepada keputusan plagiarisme yang tidak melebihi 25 peratus. Kumpulan berjaya mengurangkan masa dan kos untuk projek ini. Secara tidak langsung, proses penambahbaikan ini memberi kesan positif kepada proses sedia ada.

Kumpulan PRECIOUS merupakan kumpulan kedua membentangkan projek KIK dan mendapat pujian daripada para juri kerana berjaya menggunakan *tools* yang terdapat dalam hukum KIK. Pujian dan cadangan penambahbaikan yang diberi oleh juri secara tidak langsung menaikkan lagi semangat untuk bersaing dengan tujuh lagi kumpulan lain yang terdiri daripada organisasi luar dan dalam UUM. Rata-rata kumpulan yang membentangkan projek KIK organisasi yang diwakili menunjukkan inovasi dan kreativiti pada tahap yang mengagumkan. Adat dalam pertandingan, ada menang dan ada tewas, kesemua kumpulan berjaya dan berani menyahut seruan organisasi/universiti untuk melaksanakan projek KIK pada tahun ini. Tahniah kepada pemenang dan semua kumpulan yang menyertai Konvensyen KIK pada tahun ini.

“PENERBITAN ILMIAH KEUTAMAAN KAMI”

Pejabat Am Pentadbiran dan Kewangan
UUM Press
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman, MALAYSIA
Tel: +604 928 4795/4796
Faks: +604 928 4792
E-mel: penerbit@uum.edu.my
Laman sesawang: <http://uumpress.uum.edu.my>



Please consider the environment before printing this e-mail



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.